

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pendidikan benteng kekuatan ummah | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 26 Jun 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 314,000 |
| Page No | 4 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 415 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,305 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,916 |



Pendidikan benteng kekuatan ummah



Ahmad Nazlan bergambar kenangan bersama peserta seminar di Dewan Kuliah Utama, ADTEC di Jerantut.

Jerantut: Setiap pelajar perlu memanfaatkan peluang yang ada termasuk ketika menyertai Seminar Bimbining Peperiksaan SPM tajaan Tabung Haji (TaHa) untuk ahli Kelab TaHa bagi memastikan mereka mampu meraih kejayaan yang lebih cemerlang dalam meningkatkan daya saing bangsa dan agama.

Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Nazlan Idris, berkata setiap pelajar yang juga bakal pemimpin masa depan negara tidak sewajarnya mengabaikan pendidikan kerana ia adalah bekalan untuk jaminan masa depan diri serta sebagai benteng kekuatan ummah.

"Lihatlah sekililing anda, negara yang miskin kebanyakannya mempunyai tahap celik huruf yang rendah, lebih memburukkan keadaan negara terabit sering porak peranda kerana tidak memiliki kekuatan minda.

"Oleh itu, jangan abaikan usaha menuntut ilmu dan suruhan agama yang memberi kekuatan jiwa dalam menangani pelbagai serangan minda yang jika tidak ditangani bakal merancakkan keharmonian negara," katanya ketika berucap merasmikan seminar itu di Dewan Kuliah Utama, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), di sini baru-baru ini.

Meningkatkan kefahaman
Seramai 291 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memanfaatkan seminar bimbining peperiksaan itu anjuran Kelab TaHa dengan ker-

jasa Unit Pendidikan BH khusus untuk ahli Kelab TaHa. Yang turut hadir ialah Timbalan Pengarah Tabung Haji Pahang, Johari Ismail. Justeru, Ahmad Nazlan berkata, hanya dengan memiliki ilmu pengetahuan tinggi sesebuah masyarakat akan dapat membina tamadun bangsanya sendiri dan pada masa sama memastikan negara terus kekal berada dalam suasana aman dan harmoni serta tidak kembali dijahah.

Sementara itu, Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Krau, Fatin Syahirah Johar, berkata walaupun hanya tiga subjek sahaja yang sempat diajar sepanjang seminar berlangsung, tetapi ia berjaya membawa dimensi lebih baik kepada peserta daripada guru pakar yang menyampaikan ceramah.

"Selepas berbincang dengan rakan peserta, ramai yang me-

nyatakan ia adalah satu pendekatan yang boleh memberi kefahaman yang lebih bagus dan berupaya membantu kami menghadapi peperiksaan SPM yang bakal menjelang tidak lama lagi," katanya.

Gunakan peluang yang diberi
Pelajar SMK Inderapura, Nor Ariesya Nadirah Saiful Hazuni, berkata dia akan menggunakan peluang yang diberi sepanjang menyertai seminar itu untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan dalam pembelajaran serta menjawab soalan peperiksaan.

"Kami berterima kasih kepada pihak pengajuur dan penceraian yang membuka ruang kepada pelajar untuk bertanya pelbagai soalan berkaitan teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul," katanya.



Ahmad Nazlan (dua dari kanan) berbual dengan sebahagian peserta seminar.